

Tajuk Kertas Kerja

REFORMASI KEILMUAN IMAM AL-GHAZALI

Disediakan Oleh:

TUAN GURU DR HJ JAHID BIN HJ SIDEK AL-KHALIDI

- AHLI JILSAH TURUQ SUFIYAH, JABATAN MUFTI NEGERI SEMBILAN
- AHLI MAJLIS PERUNDING ISLAM (MPI), MALAYSIA
- YANG DIPERTUA, PERSATUAN KEBAJIKAN BINA BUDI MALAYSIA (BUDI)
- PENGASAS PUSAT RAWATAN ISLAM MANARAH
- PENGASAS PUSAT PERLINDUNGAN ASTANA BUDI
- MANTAN PROFESOR MADYA, JABATAN DAKWAH & PEMBANGUNAN INSAN,
- AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA (APIUM)

Astana Budi @Manarah, Lorong Beringin, Batu 17 Kuang,

48050 Rawang, Selangor Darul Ehsan

No. Telefon: 019-384 5666

❖ SEMINAR TOKOH ULAMA IMAM AL-GHAZALI ❖ INTERAKSI ILMU MELALUI ULAMA'

Tarikh/Hari	:	13 NOVEMBER 2018 / 05 RABIULAWAL 1440H (SELASA)
Bertempat	:	DEWAN UTAMA, KOMPLEKS YAYASAN PAHANG, TANJUNG LUMPUR, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
Anjuran	:	PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN (PIMPIN) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)
Kerjasama	:	YAYASAN PAHANG, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG, JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG DAN BUKHORI CENTRE

PENDAHULUAN

Dengan jaminan dan pemeliharaan Allah seperti yang disebut dalam al-Quran, Islam tetap utuh sempurna dan unggul dan tidak akan berubah. Bagaimanapun, Islam yang berada dalam diri penganutnya, iaitu ilmu, kefahaman, pemikiran dan penhayatan penganutnya, beransur-ansur luntur, lemah dan menyimpang dari yang sebenar. Masa semakin lama meninggalkan zaman Rasulullah s.a.w, maka Islam yang berada didada umatnya, semakin luntur dan hilang. Sabda Rasulullah s. a.w. :

خير القرن قرني ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم ثم يأتي قوم يشهدون
ولا يستشهدون وينذرون ولا يوفون ويظهر فيهم السمن. (متفق عليه)

Maksudnya: "Sebaik-baik kurun adalah kurunku, kemudian kurun yang mengikutinya, kemudian kurun yang mengikutinya, kemudian (lepas tiga kurun tersebut) lahir satu golongan yang menjadi saksi walaupun mereka tidak diminta, mereka bernazar tetapi mereka tidak tunaikan, maka lahirlah orang-orang malas dan dusta".


Di zaman Nabi dan zaman salafus-soleh tiga asas agama Islam iaitu islam rukunnya lima, iman rukunnya enam dan ihsan, difahami dan dihayati oleh umatnya secara utuh, bersepadu, dan sempurna; ketiga-tiga asas tersebut menjadi satu, tanpa berlaku pemisahan sama sekali.

Selepas tiga kurun tersebut, Islam di dada umatnya kian lemah dan menurun dan terus menurun, sehingga akhirnya tidak terdapat walaupun seorang alim sebenar. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إن الله لا يقبض العلم انتزاعا ينزعه من الناس ولكن يقبض العلم بقبض
العلماء حتى إذا لم يترك عالما أخذ الناس رؤساء جهالا فاستفتوهم فأفتوا بغير
علم فضلوا وأضلوا. (متفق عليه)

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah tidak menghapuskan ilmu (Islam) dengan dicabutnya dari diri manusia, akan tetapi Allah menghapuskan ilmu (Islam) dengan diwafatkan para ulamak, sehingga apabila Allah tidak meninggalkan seorang alim pun, maka orang ramai menjadikan orang-orang jahil menjadi ketua-ketua agama, maka mereka diminta memberi petua (mengenai berbagai masalah) mereka memberikan fatwa tanpa ada ilmu, mereka sesat dan menyesatkan."

Kalau kita lihat Islam dalam diri penganutnya, dari sudut usia atau zamannya, sejak zaman Rasulullah hingga ke hari ini, menerusi satu gambarajah, maka gambarajah tersebut dapat dilihat seperti di bawah ini:



KEPERLUAN REFORMASI (TAJDIR DAN ISLAH) AGAMA

Realiti kehidupan agama umat Islam yang sentiasa menghadapi degradasi ini, tentunya memerlukan tajdir dan Islah. Tepat sekali apa yang dimaksudkan dalam sabda Rasulullah s.a.w.:

ان الله يبعث لهذه الامة على رأس كل مائة سنة من يجدد لها دينها

Maksudnya: " Sesungguhnya Allah akan megutuskan untuk umat Islam ini, pada setiap akhir seratus tahun , orang yang mentajdirkan agama mereka"

Imam Ghazali hidup dipertengahan abad kelima hingga awal abad keenam Hijrah (445—505 H.). Ini bermakna, sejarah hidup umat Islam telah berlalu selama 500 tahun. Aktiviti intelektual dan keilmuan mereka, yang bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. juga telah berusia 500 tahun.

Di zaman hidupnya Imam Ghazali, aktiviti intelektual dan keilmuan di semua bidang ilmu Islam ,falsafah dan sains sangat berpengaruh , rancak membangun dan berkembang. Baitul-Hikmah yang didirikan di zaman khalifah Harun ar-Rasyid (170-193 H) yang dirancarkan lagi aktiviti pengumpulan manuskrip Yunani, terjemahan, penyelidikan dan pengajaran akademik pelbagai ilmu sains dan agama di zaman pemerintahan khalifah al-Makmun, mendorong sultan Nizamul-Muluk mendirikan Madrasah Nizamiyyah pada tahun 461 H. Di Mesir Universiti al-Azhar yang didirikan oleh panglima Jawhar Saqli

pada tahun 351 H. juga sangat berpengaruh sebagai salah sebuah puncak menara gading kegiatan ilmu dan intelektual.

Berlaluinya zaman selama 500 tahun yang tersebut sudah pasti Islam yang berada di dada para ulama Islam, mengalami kelunturan dan banyak salah faham yang perlu dilakukan tajdid dan islah.

KESEDARAN IMAM AL-GHAZALI MENGENAI MA'RIFATULLAH

Aktiviti intelektual dan kepakarannya dalam pelbagai bidang ilmu menyebabkan kesedaran Imam al-Ghazali terhadap kedudukan dan kepentingan **ma'rifatullah** agak lambat. Aktiviti dan kepakarannya telah menghibab pandangan hatinya. Dengan kata lain, ilmu syariatnya menghibab hatinya dari ilmu hakikat.

Syeikh Abu Hasan as-Sadhili (w. 656 H.) berkata:

أكثر الناس حجابا العلماء سبحان من حجب العلماء بعلومهم عن معلومهم

Maksudnya: "Manusia yang paling ramai (pandangan hati mereka) terhibab (dari **ma'rifahtullah**) ialah ulamak, Maha suci Allah yang menghibab (hati ulamak) dengan pelbagai ilmu mereka sendiri dari (rahsia hakikat Allah yang tersirat) dalam ilmu yang mereka tahu."

Kita boleh lihat kebenaran pandangan Syeikh Abu Hassan As-Sadhili dengan mengimbuai sejarah beberapa orang ulama besar yang pernah hati mereka terhibab dengan ilmu mereka sendiri.

Imam Abu Hanifah (W, 150H) belajar ilmu tasawuf dari syeikh Jaafar As-Sadiq (W148H) agak terlewat kerana terhibab dengan ilmunya. Akhirnya beliau berjaya belajar ilmu tasawuf dan merasa sangat mujur. Beliau meninggalkan kata-katanya yang terkenal :

لو لا سنتاني هلك نعمان

Maksudnya: "Kalaulah tidak kerana dua sunnah Rasulullah SAW (sunnah yang zahir dan batin) nescaya binasalah nu'man".

Syeikh 'Izzuddin Ibnu Abdus- Salam (W, 660H) seorang ulama Mesir yang digelar **Sultanul-'Ulama** belajar ilmu tasawuf dan tarekat **sadhiliyyah** juga di hujung usianya dari Syeikh Abu Hasan As-Sadhili (W, 656H).

Syeikh Ahmad Sirhindi (w.1624 M.) di India belajar tarekat **naqsyabandiyyah** dari Syeikh Muhammad Baqi Billah juga di hujung usianya.

Syeikh Fakhrud-din ar-Razi (W, 606H) belajar tasawuf dan tarekat **Kabrawiyyah** dari Syeikh Najmuddin Al-Kubra (W, 618H) juga sesudah beliau menjadi pakar ilmu tauhid dihujung usianya juga.

Demikian juga Imam Ahmad Bin Hanbal (w.241 H.) menceburkan diri di bidang tasawuf di akhir usianya dengan menjadi murid kepada syeikh Abu Hamzah al-Baghdadi.

Dalam keadaan dan suasana tersebut, Imam Ghazali yang merupakan salah seorang ulamak yang termasyhur, berjaya menjadi pakar pelbagai bidang ilmu, seperti bidang feqah, tauhid, falsafah dan lain-lainnya, hingga melayakkan beliau digelar **Hujjatul Islam** dan memegang jawatan pengarah **Madrasah Nizamiyyah**, namun beliau juga terlepas pandang terhadap **ma'rifahtullah**.

Mujurlah beliau akhirnya menyedari kesilapan dirinya dan para ulama lain sepertinya. Puncak kesedarannya ialah tertumpa kepada dirinya sendiri yang berada dalam keadaan tanpa **ma'rifah** / zero **ma'rifah**. Beliau menyimpulkan usahanya menimba dan menyebarkan ilmu belum sampai ke puncak destinasi ilmu yang diterakhir iaitu **ma'rifatullah**.

Berkaitan dengan kesedaran tersebut beliau menegaskan dengan ungkapan katanya yang terkenal :

“Matlamat seseorang yang mencari ilmu tidak akan berakhir selagi orang tersebut belum mencapai *makrifatullah*”.

Beliau menyambung pandangan yang tersebut dengan katanya :

“Adapun ilmu tasawuf yang terdapat dalam semua kitab tasawuf seperti kitab-kitab yang ditulis oleh Abu Harith Al-Muhasibi, kitab-kitab yang ditulis oleh Abu Talib Makki dan lain-lainnya telah pun aku dapat. Adapun ilmu yang aku cari sekarang ialah ilmu yang tidak boleh dicapai kecuali menerusi rasa rohani dan bertukar-tukar sifat zahir dan batin” (إلا بالذوق و تبدل الصفات)

DUA TAHAP MENGENAL ALLAH :

Apa yang dimaksudkan oleh Imam Ghazali bahawa ilmu yang beliau cari ialah ilmu yang hanya boleh dicapai menerusi rasa rohani (إلا بالذوق) dapat kita jelaskan maksud beliau tersebut seperti di bawah ini ; iaitu menerusi penelitian kita kepada 2 tahap mengenal Allah:

1. Tahap permulaan, mengenal Allah secara **Sama'ie** (سَمْعِي)
2. Tahap tertinggi, mengenal Allah secara **Dhawqi** (ذَوْقِي)

Mengenal Allah secara **sama'ie** ialah mengenal Allah dengan akal menerusi ilmu Tauhid seperti biasa, dipelajari di peringkat sekolah rendah, menengah sampailah ke universiti dengan ijazah B.A., M.A. dan PhD.

1. Mengenal Allah secara **samaie** berdalilkan dengan dua dalil:

Dalil pertama, **dalil naqli**, yang diambil daripada ayat-ayat Quran, hadith Qudsi dan hadith Nabi. **Dali naqli** ini dikenali juga dengan istilah **ayatun maqruah** (ayat-ayat yang dibaca).

Dalil kedua, **dalil 'aqli**, atau dalil lojik akal, dengan melihat dan memikirkan seluruh kejadian alam semesta yang yang kecil mahupun yang besar. **Dalil 'aqli** ini dikenali juga dengan istilah **ayatun mariyyah** (ayat-ayat yang dilihat oleh mata kepala).

Apa yang dicapai dalam usaha mengenal Allah secara **samaie** ialah ilmu mengenal Allah atau ilmu tauhid atau ilmu kalam dan kefahamannya, **secara kasbie** (usaha ikhtiar hamba).

2. Mengenal Allah secara **dhawqie** pula ialah mengenal Allah dengan menggunakan hati atau ruh, menerusi amalan zikir , **tafakkur** dalam **uzlah** dan **khalwah** terpimpin, berdalilkan dengan dalil yang **dimusyahadahkan** oleh pandangan matahati atau **basirah** terhadap (**ayatun masyhudah**) yang tersirat di dalam semua kejadian yang di langit dan yang di bumi. Biasanya dikenali dengan **alam malakut**, lawan bagi **alam mulk** atau alam nyata. Allah SWT berfirman:

أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ ...
١٨٥

Maksudnya: “Mengapakah mereka tidak mahu memandang (dengan pandangan hati atau pandangan roh) ke dalam **malakut** kejadian yang di langit dan di bumi dan apa sahaja sesuatu kejadian yang Allah ciptakan. “ (Surah al-'Araaf: ayat 185)

Bila seorang salik terus-menerus berzikir dalam uzlah dan khalwat di bawah pimpinan syeikhnya , Allah akan hidupan hatinya. Firman Allah:

أَوْ مَنْ كَانَ مَيِّتًا فَأَحْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَنْ مَثَلُهُ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا ... ١٢٢

Maksydneya: “ Adakah orang yang (hatinya) mati lalu kami hidupkan dan kami jadikan dalam hati yang hidup itu nur. Dengan nur itu (Allah kan kurniakan ilmu) yang sentiasa ia sebarkan dikalangan manusia. Adakah orang seperti ini sama dengan orang yang hatinya mati yang berada dalam pelbagai kegelapan yang tidak mampu keluar dari pelbagai kegelapan tersebut..” (al-Anan 122)

Menurut panfangan Ibn Ata’illah (w. 709H) nur yang Allah limpahkan ke dalam hati yang telah dihidupkan tersebut terdiri dari tiga jenis nur iaitu:

1. Nur yaqazah.
2. Nur khudur.
3. Nur wisal

Ketika berlakunya limpahan nur-nur tersebut, seluruh rohani dan jasmani salik tersebut akan merasakan kewujudan , keaggonan dan kesempurnaan sifat-sifat Allah seperti yang tersebut dalam firman Allah:

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْكِتَابِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِي تَقْشَعِرُّ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ...

Maksudnya: “ Allah telah menurunkan sebaik-baik ucapan iatu sebuah kitab (al-Quran) ayat-ayatnya mutasyabihat dan (kadang-kadang) berulang. Mengelentar seluruh anggota orang-orang yang hatinya takutkan (kebesaran Allah). Kemudian lembut setabil seluruh anggota mereka dan hati mereka, ketika mereka mengingati Allah

Apa yang dicapai ialah **ma’rifatullah**. Inilah yang dimaksudkan oleh imam al-Ghazali bahawa ilmu yang dicarinya ialah ilmu yang hanya boleh dicapai menerusi rasa rohani (الا بالدوقي)

TAKHALLI , TAHALLI DAN TAJALLI

تبدل الصفات (bertukar-tukar pelbagai sifat).

Imam al-Ghazali adalah salah seorang sufi yang menjelaskan peroses bagaimana Allah membersihkan diri zahir batin seseorang salik, dengan kurnia dan rahmatNya, menerusi **takhalli, tahalli**.

Ramai ulamak yang membaca dan memahami konsep **takhalli**, **tahalli** dan **tajalli**, fahamam mereka terkeliru dan tidak menepati kaedah yang dimaksudkan oleh Imam al-Ghazali untuk mencapai **tajalli** menerusi **takhalli** dan **tahalli**. Oleh yang demikian mereka biasanya membacakan dan menghuraikan bab **takhalli**, **tahalli** dan **tajalli** tersebut kepada para jemaah sahaja tanpa menjelaskan apakah kaedah yang mesti dilakukan untuk mencapai **takhalli**, **tahalli** dan **tajalli**.

Sebenarnya, apabila seorang salik terus melakukan zikir dan tafakkur dalam uzlah dan khalwat dibawah pimpinan syeikhnya, maka kesannya ialah, hal keadaan hati (**akhwal qalbiyyah**) dan juga sifat-sifat hati (**maqamat qalbiyyah**) yang buruk akan ditukarkan oleh Allah dengan keadaan hati dan sifat-sifat hati yang baik.

Biasanya, sesetengah **sufiyyah** menggunakan **dalil secara isyari** dari firman Allah:

قَالَتْ إِنَّ الْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا قَرْيَةً أَفْسَدُوهَا وَجَعَلُوا أَعِزَّةَ أَهْلِهَا أَذِلَّةً وَكَذَلِكَ يَفْعَلُونَ ۚ

Maksudnya: “Ratu Balqis berkata (kepada pembesar dan pegawai tenteranya) sesungguhnya tentera raja itu (nabi Sulaiman a.s) apa bila menyerang sesebuah negara akan dapat ditawannya. Tentera nabi Sulaiman a.s itu akan menjadikan penduduk yang mulia dan terhormat sebagai orang-orang yang hina lagi rendah taraf. Demikianlah mereka akan lakukan.”

Maksudnya, apabila zikrullah itu masuk ke ruang hati, maka segala ahwal qalbiyyah dan maqamat qalbiyyah yang buru Allah tukarkan dengan sebaliknya, sehingga kedua-dua aspek hati menjadi bersih dan baik.

Sesudah bersih zahir dan batin maka barulah Allah limpahkan **ma'rifahtullah** dalam ruang hati salik tersebut.

KONSEP MA'RIFAH

Ma'rifah yang lengkapnya disebut **makrifatullah** adalah ilmu yang **khusus dan tertinggi** yang disyariatkan dalam Islam. Setiap **Ma'rifah** adalah ilmu, tetapi bukan semua ilmu itu **Ma'rifah**. Kedudukannya dalam Islam wajib diimankan dan tidak boleh ditolak atau dinafikan. Terdapat ayat-ayat al-Quran, hadis dan **atharus-sahabah** yang menjelaskan atau yang menyentuh secara langsung mengenai **Ma'rifah**.

Di zaman Nabi s.a.w. dan salafus-soleh, **Ma'rifah** mendapat perhatian serious oleh umat Islam. Sebab **ma'rifah** diyakini oleh mereka sebagai tonggak kerohanian yang meneguhkan dan memperkasakan takwa, tawakkal dan seluruh hidup mereka zahir dan batin, dunia dan akhirat. Firman Allah:

يُنَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ... ۲۷ .

Maksudnya: " Allah sentiasa meneguhkan (kehidupan zahir dan batin) orang-orang yang beriman di dunia dan akhirat dengan

لا إله إلا الله

Ma'rifah wajib diimankan dan tidak boleh ditolak atau dinafikan. Terdapat ayat-ayat al-Quran, hadis dan **atharus-sahabah** yang menjelaskan atau yang menyentuh secara langsung mengenai **Ma'rifah**.

Malangnya, **ma'rifah**, selepas kurun ketiga hijrah mula dilupakan oleh umat Islam. Di zaman hayatnya Imam al-Ghazali (445-505 H) majoriti ulamak, termasuklah beliau sendiri, seorang ulamak besar bergelar **Hujjatul-Islam**, menjadi pengarah **Madrasah Nizamiyyah**) tidak tahu dan tidak kisahkan **Ma'rifah**.

Dengan rahmat dan hidayat Allah, Imam al-Ghazali dapat menyedari wujudnya **Ma'rifah** dan kepentingannya dalam kehidupan agama serta hubungan dengan Allah.

Akhirnya beliau melakukan mujahadah selama 11 tahun atas arahan dan pimpinan syeikhnya, Yusuf Nasaj untuk mendapat kurniaan **Ma'rifah** dari Allah. Seluruh pengalaman zahir batinnya dalam mujahadahnya itu diabadikan dalam karya tulisannya. Antaranya ialah kitab **Ihya' ulumid-din, Aiyuhal-walad, al-Munqidhu Minadh-dhlal dan Rasail al-Ghazaliyyah**.

Motif utama penulisan beliau ialah agar **makrifatullah** yang dianggap telah mati dari dada para mukmin itu dapat segera dihidupkan semula, agar umat Islam tidak terlepas peluang dari menerima kurniaan **makrifatullah** dari Allah. Sebab itu beliau beri title kitabnya dengan **Ihya' ulumid-din** yang bererti menghidupkan pelbagai ilmu agama khususnya **ma'rifatullah**.

Beliau yakin dengan hidupnya **ma'rifatullah** maka seluruh ilmu Islam akan hidup, hati umat Islam juga hidup.

Sebaliknya, dengan kematian **ma'rifatullah** maka seluruh ilmu Islam jadi mati dan hati umat Islam juga mati.

Katanya:

فإنك في هذا العالم نائم ولو كنت مستيقظا

Maksudnya: “Anda hidup di dunia ini (hati anda) sentiasa tidur, sekalipun tubuh badan anda berjaga.”

Jasa beliau yang sangat berharga terhadap seluruh ummat Islam, ialah garis panduan kaedah untuk mendapatkan **Ma’rifatullah** yang diwariskan kepada seluruh ummat Islam. Malangnya ramai ummat Islam tidak dapat mengetahui dan memahami kaedah yang beliau gariskan tersebut.

Ma’rifatullah adalah ilmu yang tertinggi yang menandakan titik permulaan hakikat iman yang sebenar. Saidina Ali kha pernah mengungkapkan :

أول الدين حقا معرفة الله

Maksudnya: “*Permulaan (hakikat) agama ialah ma’rifatullah.*”

Fakta ini sesuai dengan maksud ayat-ayat al-Quran yang menyentuh mengenai hakikat, seperti hakikat iman. Sesudah Allah menjelaskan 3 sifat iman dan 2 sifat taqwa orang yang sampai ke tingkat hakikat iman (dalam ayat 2 dan 3 surah al-Anfal) maka Allah berfirman :

أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ٤

Maksudnya: “*Mereka itulah orang-orang mukmin yang sampai kepada hakikat iman sebenar, bagi mereka ada pelbagai darjat, keampunan dan rezeki yang baik di sisi Tuhan mereka Allah.*”

Sabda Rasulullah s.a.w. :

العلم علمان علم في القلب ذلك العلم النافع وعلم في السان ذلك حجة الله على عباده

Maksudnya: “Ilmu ada dua; ilmu dalam hati itulah al-‘ilmu an-nafi’ dan ilmu di lidah itulah alasan yang Allah gunakan terhadap para hambaNya.”

Ketinggian kedudukan ma’rifah dapat kita lihat dalam *ranking* ilmu seperti di bawah ini:

1. Al-ma’rifah. Orang yang mempunyai ma’rifah digelar al-‘arif.
2. Al-fahm. Orang yang faham tentang sesuatu ilmu digelar al-fahim.
3. Al-‘ilm. Orang yang berilmu digelar al-‘alim.

PERBEZAAN ANTARA ILMU DENGAN MA'RIFAH

Walaupun *ma'rifah* adalah ilmu, namun ianya berbeza dengan ilmu dari banyak sudut:

1. *Ma'rifah* adalah ilmu yang tertinggi, kerana ianya merupakan *hakikat* bagi ilmu. Setiap *Ma'rifah* adalah ilmu, tetapi bukan semua ilmu itu *Ma'rifah*.
2. *Ma'rifah* bertempat di hati, ilmu di akal.
3. *Ma'rifah* tergolong dalam *al-'ulum al-laduniyyah* atau *al-'ulum al-mukasyafah* atau *al-'ulum al-dhawqiyyah* atau *al-'ulum al-wahbiyyah*; ilmu pula disebut sebagai *al-ilmu al-kasbi*, sebab usaha mendapat ilmu termasuk dalam *al-umur al-kasbiyyah*,
4. *Ma'rifah* diperoleh dengan melakukan *mujahadah* yang khusus. Ilmu pula diperoleh menerusi belajar dengan berguru dan berkitab; orang yang cerdas akalnya mudah belajar dan akan dapat ilmu yang banyak. Sebaliknya, orang yang lemah akal pemikirannya, susah dapat ilmu dan kefahamannya.

PANDANGAN IMAM GHAZALI KAEDAH MENDAPATKAN MA'RIFATULLAH

Imam Ghazali menegaskan bahawa *ma'rifatullah* boleh dicapai hanya menerusi mujahadah yang khusus dan tidak boleh dicapai dengan cara belajar ilmu tauhid berterusan. Mempelajari dan menekuni terus menerus ilmu tauhid akan menghalang tercapainya *ma'rifatullah*.

Imam al-Ghazali pernah menegaskan dengan katanya yang terkenal:

فأما معرفة الله تعالى وصفاته وأفعاله وجميع ما أشرنا إليه في العلوم المكاشفة
فلا تحصل بعلم الكلام بل يكاد أن يكون الكلام حجاباً عليها ومانعاً عنها

Maksudnya: "Adapun *ma'rifatullah* mengenai kewujudanNya, *ma'rifah* mengenai sifat-sifatnya, *ma'rifah* mengenai *af'alnya* dan semua yang kami terangkan mengenai pelbagai *ilmu mukasyafah* tidak akan tercapai menerusi belajar ilmu kalam (tauhid), bahkan belajar terus ilmu kalam sentiasa menghibab dan menghalang daripada *ma'rifatullah*."

Imam Ghazali menyambung ungkapan katanya yang tersebut dengan menegaskan:

وإنما الوصول إليها بالمجاهدة التي جعلها الله سبحانه مقدمة للهداية حيث قال

تعالى والذين جاهدوا فينا لنهدينهم سبلنا وإن الله مع المحسنين

Maksudnya: “Untuk mencapai **ma’rifatullah** mesti melakukan **mujahadah** (yang khusus yang dikenali dengan **mujahadah al-Kasyfi wa al-Ittila’**) sebab Allah telah menjadikan **mujahadah** tersebut sebagai muqaddimah untuk mendapat hidayatNya.

Allah berfirman “Dan mereka yang bersungguh-sungguh bermujahadah di jalan mengenal Kami, nescaya Kami sentiasa hidayatkan mereka jalan-jalan mengenal Kami itu. Sesungguhnya Allah berserta dengan golongan muhsinin.”

Ada ulama menyebutkan bahawa Abdullah Bin Abbas RA telah menafsirkan ayat tersebut dengan menambahkan satu kalimah iaitu kalimah **ma’rifah**. Maka jadilah tafsiran ayat tersebut :

والذين جاهدوا فينا (في معرفتنا) لنهدينهم سبلنا (سبل معرفتنا) وإن الله مع

المحسنين

Maksudnya: “Dan mereka yang bersungguh-sungguh bermujahadah di jalan mengenal Kami (**mendapatkan ma’rifah Kami**), nescaya Kami sentiasa hidayatkan mereka jalan-jalan mengenal Kami itu (**ma’rifah Kami**). Sesungguhnya Allah berserta dengan golongan muhsinin.”

Syeikh Najmuddin al-Kubra (w.618 H.) meibaratkan **ma’rifatullah** itu seperti mutiara di tengah lautan. Sesiapa yang ingin mendapatkan mutiara itu mestilah ia naik kapal syariat lalu belayar di lautan tarekat.

Katanya yang terkenal:

الشريعة كالسفينة والطريقة كالبحر والحقيقة كالدر فمن أراد الدر ركب السفينة فشرع في البحر ليصل الدر

Maksudnya:

“Syariat seperti kapal, tarekat seperti lautan, hakikat seperti mutiara (di tengah lautan), sesiapa yang mahukan mutiara, haruslah ia naik kapal syariat, belayar di lautan tarekat, agar dapat mutiara hakikat.”

Untuk membantu kita memahami ungkapan kata syeikh Najmuddin al-Kubra di atas , kita boleh gunakan ungkapan kata sufi di bawah ini:

الشريعة أن تعبدده والطريقة أن تقصده وتخضره والحقيقة أن تشهد

Maksudnya: “ Syariat itu anda beribadat kepada Allah, tarekat pula, hati anda mahukan Allah dan hadirkan (kewujudan, sifat keaggungan dan sifat kesempurnanNya), hakikat pula roh anda musyadah kepadaNya.”

Akhirnya Imam al-Ghazali melakukan mujahadah selama 11 tahun atas arahan dan pimpinan syeikhnya, Yusuf Nasaj untuk mendapat kurniaan **Ma’rifah** dari Allah. Seluruh pengalaman zahir batinnya dalam mujahadahnya itu diabadikan dalam karya tulisannya. Antaranya ialah kitab **Ihya’ ulumid-din, Aiyuhal-walad, al-Munqidhu Minadh-dhlal dan Rasail al-Ghazaliyyah.**

Motif utama penulisan beliau ialah agar **makrifatullah** yang dianggap telah mati dari dada para mukmin itu dapat segera dihidupkan semula, agar umat Islam tidak terlepas peluang dari menerima kurniaan **makrifatullah** dari Allah. Sebab itu beliau beri title kitabnya dengan **Ihya’ ulumid-din** yang bererti menghidupkan pelbagai ilmu agama khususnya **ma’rifatullah.**

Menurut beliau berbagai ilmu Islam telah mati berpunca dari kematian **ma’rifatullah** dari dada ulama’ dan majoriti umat Islam. Oleh yang demikian kaedah menghidupkan semula berbagai ilmu Islam tersebut adalah dengan menghidupkan semula **ma’rifatullah.** Apabila **ma’rifatullah** hidup semula di dada ulamak dan umat Islam, maka dengan sendiri seluruh ilmu Islam akan bangun hidup semula. Sebab **ma’rifatullah** adalah jiwa agama umpama nyawa bagi tubuh badan.

Jasa beliau yang sangat berharga terhadap seluruh ummat Islam, ialah garis panduan kaedah untuk mendapatkan **Ma’rifatullah** yang diwariskan kepada seluruh ummat Islam. Malangnya ramai ummat Islam tidak dapat mengetahui dan memahami kaedah yang beliau gariskan tersebut.

Antara garis panduan beliau untuk mendapatkan ma’rifah ada disunting dan dimuatkan oleh Syeikh Abdul Samad Palimbangi dan dimuatkan di dalam kitab susunannya Kitab **Siyar As-Salikin** dalam bab syarat-syarat orang yang berjalan pada jalan Allah.

GARIS PANDUAN IMAM GHAZALI KAEDAH MUJAHADAH KHUSUS

Di sini kita sebutkan secara ringkas kaedah **mujahadah** yang membolehkan seseorang dikurniakan oleh Allah **Ma’rifatullah.** Seseorang yang ingin melakukan mujahadah yang khusus seperti yang telah dilakukan oleh beliau, mestilah memenuhi syarat-syarat dibawah ini:-

1. Mesti berpegang teguh dengan al-Quran dan sunnah
2. Dalam bidang fekah mesti mengikut salah satu mazhab yang empat.
3. Dalam masalah akidah mesti mengikut akidah Ahli Sunnah Wal Jammah.
4. Mesti ada guru yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan yang mampu memimpin perjalanan mujahadah para murid.
5. Mesti belajar ilmu yang diperlukan dalam bidang fekah, tauhid dan tasawuf.
6. Mesti ada zikir dan tafakkur seperti yang diajar oleh gurunya.
7. Mesti melakukan uzlah dan khalwat atau bersuluk seperti yang dilakukan oleh beliau.
8. Mesti ada kemahuan, keazaman dan hati yang kental dan bulat, terus belajar dan beramal hingga mati.
9. Mesti ada rakan-rakan sejemaah di bawah pimpinan guru.
10. Sentiasa menjaga adab zahir dan batin iaitu adab terhadap Allah, adab terhadap guru, adab terhadap diri dan jemaah.

MUJAHADAH AL-KASYF WA AL-ITTLA'

Kaedah mujahadah khusus untuk mencapai ma'rifatullah yang sangat ditekankan oleh Imam Al-Ghazali telah memberi kesan atau impak yang besar dan meluas dalam ilmu tasawuf. Ulama' tasawuf sesudahnya, seperti Syeikh Abdul Qadir Jilani (W, 562H), Syeikh Abdul Salam Mussais (W, 595H), Syeikh Abu Hassan As-Sadhili (W,656H), Ibnu Khaldun (W,808H) dan lain-lainnya sangat menitikberatkan amalan mujahadah tersebut.

Ibnu Khaldun, di dalam kitabnya **Sifa'us-Sail** mengistilahkan mujahadah yang khusus yang membolehkan seseorang mencapai **ma'rifatullah** dengan mujahadah **al-Kasyfi wal-ittila'**. Mujahadah yang tersebut akan berakhir dengan Allah angkatkan berbagai hijab yang melindungi pandangan mata hati, roh dan sirr. Bila semua hijab diangkat oleh Allah, maka pandangan mata hati atau roh akan dapat melihat ayat-ayat Allah **di alam malakut**.

Berkaitan dengan kemungkinan berlakunya **kasyaf** telah disebut oleh Allah dalam firmanNya:

لَقَدْ كُنْتُمْ فِي غَفْلَةٍ مِّنْ هَذَا فَكَشَفْنَا عَنْكُمْ غِطَاءَكُمُ فَبَصُرْتُمْ الْيَوْمَ حَدِيدٌ ٢٢

Maksudnya: "Sesungguhnya kamu lalai dari peringatan Allah, maka kami **kasyafkan** pelbagai **hijab**, maka pandangan mata hati kamu ketika itu tajam dan tembus (dapat melihat hakikat kejadian di **alam malakut**) (Surah Al-Qaf: ayat 22)

Menurut Ibnu Khaldun, orang yang melakukan mujahadah di peringkat ini terus menerus aspek rohaninya akan menjadi kuat dan aspek jasmaninya akan menjadi lemah, akhirnya

aspek rohaninya cukup kuat dan jasmaninya cukup lemah, maka orang tersebut boleh di panggil sebagai *insanun ruhiyyun* atau manusia roh semata-mata.

Ketika itulah pandangan matahati dan roh nampak dengan jelas berbagai hakikat kejadianNya di *alam malakut*.

Ketika inilah roh manusia akan *tadhakkur* (terimbau semula dengan jelas) apa yang telah dialami semasa roh belum dimasukkan ke dalam tubuh, seperti yang disebut oleh Allah dalam firmanNya:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ
أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ
۱۷۲

Maksudnya: “Dan (ingatlah kamu) ketika Tuhan kamu (Allah) mengambil dhuriat anak-anak Adam dari tulang sulbi mereka, dan Allah memerintahkan para roh manusia untuk naik saksi dengan firmanNya:

“Tidakkah Aku ini Tuhan kamu (wahai para roh manusia?)”

Para roh manusia menjawab dengan berkata:

“Bahkan, Engkaulah Tuhan kami, kami saksikan”, agar di hari akhirat nanti Manusia tidak berdalih dengan berkata:

“Sesungguhnya kami tidak ingat sama sekali dari semua kebenaran ini”.
(Al-Araaf, 172)

PENGALAMAN ULUL-ALBAB

Realitinya, matahati hanya dapat melihat dalil-dalil (ayat-ayat) Allah yang tersirat dalam semua kejadian. Firman Allah:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ وَاٰخْتِلَافِ الْاَيِّمِ وَالنَّهَارِ لَآٰيٰتٍ لِّاُولِي الْاَلْبَابِ
۱۹۰

Maksudnya: “Sesungguhnya dalam kejadian di langit dan di bumi dan dalam peredaran masa malam dan siang, terdapat ayat-ayat (dalil-dalil yang menunjukkan kewujudan, keagungan dan kesempurnaan,) Allah, yang dapat dilihat oleh matahati (basirah) ululalbab.” (Surah Ali-Imraan: Ayat 190)

Ketika mata hati ululalbab menyaksikan atau melihat ayat-ayat Allah yang tersebut, maka roh mereka dapat musyahadah terhadap Allah. Roh mereka merasakan kewujudan dhat Allah yang Maha Suci, yang tidak ada sesuatu serupa denganNya.

Firman Allah:

... لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ... ١

Maksudnya: "... tidak ada sesuatu yang serupa denganNya (dengan dhatNya)..” (Surah Ash-Shura: ayat 11)

PENGALAMAN NABI MUSA A.S.

Nabi Musa juga dikurniakan *musyahadah*. Firman Allah di akhir ayat 143, surah al-A'raf :

... فَلَمَّا تَجَلَّى رَبُّهُ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحٰنَكَ
تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ ١٤٣

Maksudnya: "...Maka apabila tuhanNya Allah menzahirkan (ayat-ayat atau dalil dalil) yang menunjukkan wujudnya zatNya, maka jadilah bukit Tursina itu hilang dalam pandangan nabi Musa. Dan Nabi Musa merasa (wujud dirinya pun hilang) lalu beliau jatuh tersungkur menjadi fana'. Apabila fana'nya berakhir, beliau segera berkata: Maha suci Engkau ya Allah, aku serah diriku zahir dan batinku untuk menjadi hambaMu. Dan aku rasa, inilah titik permulaan aku mukmin sebenar”.

PROSES PENGALAMAN NABI MUSA A.S. YANG DISEBUTKAN DALAM AYAT 43 SURAH AL-A'RAF

1. Pendengaran nabi Musa a.s. dihilangkan oleh Allah secara beransur-ansur sehingga beliau tidak mendengar suara apa pun.
2. Daya penglihatan nabi Musa a.s. juga dihilangkan oleh Allah sehingga beliau tidak nampak lagi Bukit Thursina dan sekitarnya.
3. Daya dan kekuatan tubuh badan nabi Musa a.s. juga dihilangkan oleh Allah sehingga baginda menjadi lemah selemah-lemahnya.
4. Rasa kewujudan diri pun dihapuskan oleh Allah.
5. Nabi Musa a.s. pun jatuh tergolek dalam keadaan *Fana'*.

Penjelasan Penting :

Nabi Musa a.s. ketika dalam keadaan fana' tersebut mengalami pengalaman seperti yang ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadith tentang ihsan.

الإحسان أن تعبد الله كأنك تراه...

Maksudnya: "Ihsan ialah anda beribadat kepada Allah seolah-olah anda melihatnya..."

Apabila Allah tamatkan keadaan fana' nabi Musa a.s. tersebut dengan firmanNya:

فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحَانَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ ١٤٣

Maksudnya : "...Apabila fana'nya berakhir, beliau segera berkata: Maha suci Engkau ya Allah, aku serah diriku zahir dan batinku untuk menjadi hambaMu. Dan aku rasa, inilah titik permulaan aku mukmin sebenar".

Selepas fana', maka nabi Musa a.s. akan merasa seperti yang Rasulullah s.a.w. sebut di akhir hadithnya tentang ihsan.

فَإِنْ لَمْ تَكُن تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Maksudnya: "...Jika anda tidak melihatnya sesungguhnya Allah melihat anda."

Di peringkat terakhir ini nabi Musa a.s. berada dalam keadaan **Baqa' billah**.

MAKSUD BAQA' BILLAH

Nabi Musa a.s. yang telah menerima ma'rifatullah dan telah disampaikan oleh Allah hakikat pendengarannya, hakikat penglihatannya, hakikat daya dan kekuatan tubuh badannya dan hakikat kewujudan dirinya, maka Allah letakkan nabi Musa a.s. sentiasa merasa seluruh pendengarannya, penglihatannya, daya kekuatannya, gerak gerinya, percakapannya, kewujudan dirinya semata-mata dengan qudrat dan iradah Allah. Baginda sentiasa merasa segala-galanya dalam kehidupan diri dan makhluk adalah hakikat Allah.

KEDUDUKAN MA'RIFAH DALAM ISLAM

Kita boleh pastikan bahawa ma'rifah telah disyariatkan oleh Allah dengan menelitikan ayat-ayat al-Quran dan hadis nabi. Ayat pertama surah al-mulk Allah berfirman:

تَبْرَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمَلِكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ١

Perhatikan kalimah al mulk dalam ayat tersebut yang bermaksud kekuasaan Allah meliputi seluruh alam al mulk iaitu seluruh alam zahir kejadian. Dalam mengenal Allah menerusi dalil aqli, manusia diperintah oleh Allah melihat dengan mata kepala apa sahaja zahir kejadian supaya manusia dapat ilmu dan kefahaman mengenai kewujudan dan berbagai sifat dan perbuatan Allah. Kerana itu Allah berfirman:

... فَأَيَّمَا تُولُوا فَتَمَّ وَجْهُ اللَّهِ... ١١٥

Maksudnya: "...maka ke mana sahaja kamu lemparkan pandangan kamu, nescaya kamu tahu wujudnya Allah..."

Sekarang kita alihkan pandangan kita kepada ayat 83 atau ayat yang terakhir dari surah Yasin. Firman Allah:

فَسُبْحٰنَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَّإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ٨٣

Perhatikan kalimah **malakut** dalam ayat tersebut yang bermakna alam batin bagi alam al-mulk yang Allah sebutkan dalam ayat pertama surah al-mulk di atas.

Jika seseorang mukmin memandangi zahir kejadian atau alam al-mulk dapat ilmu mengenai Allah. Maka demikian juga bila mukmin tersebut memandangi dengan pandangan hati atau pandangan roh ke alam malakut, maka ia akan dikurniakan peningkatan ilmunya ke tingkat ma'rifah.

Kesimpulannya alam al-mulk membantu manusia yang beriman untuk mendapat ilmu dan kefahaman mengenai Allah menerusi akal. Ilmu tersebut boleh meningkat ke tingkat ma'rifah iaitu bila Allah angkatkan berbagai hijab yang melindungi pandangan hati atau roh hingga membolehkan orang tersebut memandangi alam malakut. Ketika itulah Allah tingkatkan ilmu orang tersebut ke tingkat ma'rifah.

Allah perintahkan manusia supaya memandangi alam malakut dengan pandangan hati atau roh. Allah berfirman:

وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ٢١

Maksudnya: "Dan di dalam (malakut) kejadian diri kamu tidakkah kamu lihat (dengan pandangan hati atau roh)."

Allah juga berfirman:

وَكَذٰلِكَ نُرِي إِبْرٰهِيْمَ مَلَكُوتِ السَّمٰوٰتِ وَاَلْأَرْضِ وَلِيَكُوْنَ مِنَ الْمُوْقِنِيْنَ ٧٥

Maksudnya: "Dan demikianlah Kami (Allah) perlihatkan dalam pandangan roh atau mata hati ibrahim a.s alam malakut kejadian yang di langit dan di bumi agar beliau menjadi salah seorang muqinin."

MA'RIFAH DALAM HADIS

Rasulullah s.a.w bersabda:

الإحسان أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك

Maksudnya: "Ihsan ialah anda beribadat kepada Allah seolah-olah anda melihatnya. Jika anda tidak melihatnya sesungguhnya Allah melihat anda."

Menurut Ibn Rajab al-Hanbali (w.795H) dalam kitabnya **Jami' al-Ulum Wa Al-Hikam**: Orang yang sampai ke tingkat *ihsan* ini ialah orang yang dikurniakan oleh Allah **ma`rifatullah**. Menurut beliau, berdasarkan kepada hadis tersebut, individu yang disampaikan oleh Allah darjat ihsan akan melalui dua tahap.

Tahap pertama, ketika berada dalam keadaan: الإحسان أن تعبد الله كأنك تراه

Di tahap pertama ini individu tersebut telah dikurniakan oleh Allah **makrifah** dan boleh digelar sebagai **al-arif**. Bagaimanapun sifat kehambaannya belum sempurna (sebab masih berada dalam keadaan fana'). Maka individu tersebut di panggil sebagai **al-arif an-naqis**.

Tahap kedua, ketika berada dalam keadaan: فإن لم تكن تراه فإنه يراك

Di tahap kedua ini sifat kehambaan individu tersebut telah sempurna (fana'nya telah ditamatkan). Maka orang tersebut layak digelar sebagai **al-arif al-kamil**.

Individu tersebut juga digelar oleh Allah sebagai golongan *muhsinin* yang dikurniakan oleh Allah rahmat yang lengkap. Firman Allah :

إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ٥٦ ...

Maksudnya: "Sesungguhnya rahmat Allah dekat kepada orang-orang muhsinin" (Al-A'raf, 56)

Di tingkat *ihsan* inilah, orang tersebut berada dalam keadaan *tadhakkur* (ingat, terasa dan terbayang yang diingat dalam pandangan roh atau mata hati). Di tingkat ihsan inilah musyahadah dapat dicapai.

Dalam soheh bukhari, ada sebuah hadis marfu' Rasulullah s.a.w bersabda:

أنا أعرفكم بالله وأخوفكم منه

Maksudnya: "Aku mempunyai paling banyak ma`rifatullah di kalangan kamu dan aku juga paling takut kepada Allah di kalangan kamu."

KEPENTINGAN MA'RIFATULLAH

Dari semua fakta yang telah dijelaskan di atas, kita dapat melihat dengan jelas betapa pentingnya ma'rifatullah dalam kehidupan agama dunia dan akhirat. Di sini kita melihat secara ringkas kepentingan ma'rifah menerusi ayat 112, Surah Al-Baqarah :

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ
۱۱۲

Maksudnya : *“Bahkan orang yang telah menyerahkan diri zahir dan batinnya kepada Allah (menjadi sebaik-baik hambaNya) dalam hal keadaannya dia seorang muhsin, maka pahalanya tersimpan secara langsung pada TuhanNya Allah. Dan tidak ada apa juga rasa takut dan mereka tidak berdukacita sama sekali”*.

Orang mukmin yang digambarkan oleh Allah dalam ayat tersebut ialah mukmin yang telah dikurniakan oleh Allah ma'rifatullah. Berdasarkan ayat tersebut mukmin yang telah dikurniakan oleh Allah ma'rifatullah menjadi seorang mukmin yang 'arif lagi kamil. Kita lihat ada empat perkara yang penting kesan daripada ma'rifatullah.

1. Penyerahan diri zahir dan batin menjadi sebaik-baik hamba Allah.
2. Pencapaian tingkat ihsan dan menjadi seorang muhsin.
3. Pahala yang istimewa dan khusus.
4. Kehidupan dunia dan akhirat yang aman, damai dan tenteram tidak ada takut dan bimbang.

Kesimpulannya : Ma'rifatullah adalah ubat nombor satu bagi pelbagai penyakit jiwa dan mental.

Antara mereka yang dikurniakan oleh Allah ma'rifatullah diangkat darjat mereka ke tingkat wali Allah. Firman Allah:

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ٦٢

Maksudnya: *“Ketahuilah sesungguhnya para wali Allah tidak ada apa juga rasa takut dan mereka sentiasa tidak berdukacita”*.

MA'RIFATULLAH MENGEKAKALKAN IMAN MUSYAHADAH

Apabila seseorang mukmin dikurniakan oleh Allah ma'rifatullah, maka bermakna mukmin tersebut dikekalkan dalam keadan *Musyahadah*.

Sesetengah orang sufi mendefinisikan ***musyahadah*** seperti berikut:

المشاهدة هي رؤية الحق ببصيرة القلب من غير شبهة كأنه رآه بالعين

Maksudnya : “*musyahadah ialah melihat (hakikat kejaadian) Allah dengan mata hati, tanpa kesamaran atau keraguan, seolah-olah orang tersebut melihat (hakikat kejadian) Allah dengan mata kepala*”

Syeikh Jirjani mendefinisikan musyahadah dalam kitabnya at-Takrifat halaman 274:

...رؤية الحق في الأشياء...

Maksudnya: “... melihat Allah di dalam pelbagai kejadian...”

Kedua-dua definisi tersebut adalah benar, namun kedua-duanya merupakan ungkapan yang **mutasyabihat** yang wajib ditakwilkan supaya selaras dengan kehendak tauhid ASWJ.

المشاهدة هي رؤية آيات الحق ببصيرة القلب من غير شبهة كأنه رآها بالعين

Maksudnya : “*Musyahadah adalah melihat ayat-ayat Allah dengan mata hati, tanpa apa-apa kesamaran atau keraguan, seolah-olah orang tersebut melihat ayat-ayat Allah dengan mata kepala.*”

...رؤية آيات الحق في الأشياء...

Maksudnya: “*Musyahadah adalah melihat ayat-ayat Allah dalam pelbagai kejadian...*”

Dengan demikian maka kita juga dapat membetulkan kekeliruan yang terdapat dalam kitab-kitab lama atau kitab kuning yang menegaskan **iman musyahadah** ialah iman seseorang dimana mata hatinya melihat Allah. Apa yang sebenarnya ialah mata hati melihat ayat-ayat Allah.

KESIMPULAN

Imam al-Ghazali dengan kurnia dan rahmat Allah, disamping kepakarannya di bidang pelbagai ilmu syariat telah berjaya melakukan reformasi ilmu, sehingga beliau berjaya menghidupkan semula berbagai ilmu Islam dengan cara menghidupkan ilmu tasawuf dan meletakkan tasawuf pada kedudukannya yang sebenar.

Seluruh tulisan beliau di bidang tasawuf telah memberi kesan kerohanian yang meluas terhadap umat Islam seluruh dunia selama lebih dari 900 tahun. Ajaran tasawufnya

dijadikan asas panduan yang penting oleh mereka yang belajar dan beramal dengan tasawuf.

Maqam Imam Ghazali telah ditemui oleh sepasukan arkeologi pada tahun 1993 di kawasan perkuburan Tabaron yang terletak di daerah Masyhad di negara Iran. Dalam seminar mengenai Imam Ghazali yang diadakan di Jakarta pada akhir tahun 2017, satu resolusi telah dibuat bahawa makam Imam Ghazali harus dibangunkan semula supaya sesuai dengan penghormatan seluruh ummat Islam terhadap jasanya.

Sebuah deklarasi khusus mengenai pembinaan semula makam Imam Ghazali telah ditanda tangani oleh wakil dari semua negara yang hadir dalam seminar tersebut.